

26 APR 2003

Abdullah-Economist/I

THE ECONOMIST PERLU MINTA MAAF, KATA ABDULLAH

PULAU PINANG, 26 April (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata kerajaan Malaysia menganggap majalah Economist bertanggungjawab penuh terhadap artikelnya yang mengkritik kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Apa yang sepatutnya mereka lakukan ialah memohon maaf," katanya pada sidang media selepas menyertai pertandingan golf bagi mengisi tabung Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) di Kelab Golf Bukit Jambul di sini hari ini.

Abdullah berkata adalah jelas pihak yang bertanggungjawab sepenuhnya ialah penulis artikel, Chris Lockwood dan penerbit majalah yang berpejabat di London itu.

"Tidak perlu menuding jari kepada sesiapa dan mencari kambing hitam. Berdasarkan pengakuan majalah itu mengenai pihak yang membantu mereka dalam penulisan cerita itu, jelas mereka telah bercakap dengan kumpulan yang sememangnya memusuhi Dr Mahathir dan kerajaan.

"Para pengkritik ini yang termasuk pemimpin parti pembangkang dan anggota media pro pembangkang tentunya tidak akan bercakap perkara baik mengenai kita. Berdasarkan pengakuan penulis itu, hanya beberapa orang yang berpendirian neutral atau pro kerajaan ditemuinya," katanya.

Abdullah berkata majalah itu ternyata telah tersasar dan bersikap prejudis kerana tidak mendapatkan gambaran sebenar mengenai pandangan rakyat Malaysia.

"Majoriti rakyat Malaysia tidak gembira dan marah dengan artikel itu dan gambarannya mengenai Dr Mahathir. Kita lebih mengetahui mengenai sumbangan dan pengorbanan Dr Mahathir kepada negara dan rakyat," katanya.

Menjawab soalan sama ada artikel itu boleh mempengaruhi pandangan rakyat terhadap Dr Mahathir, Abdullah berkata majalah itu tidak ada pengaruh, lagipun rakyat "tahu mengenai sumbangan besar Dr Mahathir dan kemajuan yang dinikmati negara di bawah kepimpinannya. Saya tahu sumbangan Dr Mahathir kepada Umno dan negara dan akan terus menyokongnya, tidak kira apa kata orang lain."

Beliau berkata kepimpinan Dr Mahathir bukan sahaja diakui di dalam negara dan juga serantau, malah di merata pelusuk dunia.

"Pemimpin dan negara luar secara terbuka telah menyatakan kagum dan menghormati apa yang telah dilakukan oleh Dr Mahathir dan seluruh dunia tahu mengenai kejayaan Dr Mahathir," kata Abdullah.

-- BERNAMA

KH MFJ MOZ